

**PENEROKAAN KONSEP IHSAN DAN NIAT MENDERMA  
DARAH DALAM KALANGAN PENDERMA DARAH  
LELAKI DAN PEREMPUAN**  
**EXPLORING THE CONCEPT OF IHSAN AND THE INTENTION  
TO DONATE BLOOD AMONG MALE AND FEMALE  
BLOOD DONORS**

JULIANA ROSMIDAH JAAFAR<sup>\*1</sup>  
NURUL HAZWANI KAMARUDIN<sup>2</sup>  
NOOR HIDAYU ZAKARIA<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark-Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

<sup>2&3</sup>*Fakulti Sains dan Teknologi, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Unipark-Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Corresponding author: \*l Julianah.rosmidah@gmail.com*

Tarikh dihantar: 23 April 2023 | Tarikh diterima: 23 Mei 2023 | Tarikh terbit: 31 Disember 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v29i.3710>

**ABSTRAK** Tindakan menderma darah dikenali sebagai tingkah laku yang tidak mementingkan diri sendiri untuk individu lain. Tindakan ini penting bagi membantu mereka yang berada dalam situasi kecemasan mahupun secara berkala. Namun, konsep ihsan yang merupakan kombinasi altruisme, kebajikan dan identiti penderma darah diteroka sepenuhnya lagi dalam kajian berkaitan pendermaan darah. Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah bertujuan meneroka konsep ihsan dan niat menderma darah dalam kalangan pelajar universiti yang merupakan penderma darah. Responden kajian merupakan pelajar dari universiti tempatan di Selangor. Sejumlah 166 penderma darah telah menjawab set borang soal-selidik secara atas talian berkaitan dengan motivasi menderma darah. Hasil analisis *Exploratory Factor Analysis* (EFA) secara putaran varimak mendapati bahawa terdapat lima item yang terkumpul dalam satu komponen iaitu ihsan. Bagi hasil analisis deskriptif, didapati bahawa penderma darah perempuan menunjukkan nilai skor ihsan yang lebih tinggi ( $M = 3.90$ ,  $sp = .66$ ) berbanding dengan mahasiswa lelaki ( $M = 3.78$ ,  $sp = .62$ ). Akhir sekali, analisis *Hierarchical Multiple Regression* (*enter method*) mendapati bahawa ihsan ( $B = .336$ ) mempunyai hubungan signifikan terhadap niat menderma darah ( $R^2 = .062$ , perubahan  $F (1,163) = 5.37$ ,  $p < .01$ , setelah aspek jantina penderma darah dikawal). Dalam erti kata lain, konsep ihsan yang menggambarkan nilai-nilai baik seperti altruism serta kebajikan adalah berkaitan dengan keinginan untuk menderma darah

dalam kalangan mahasiswa universiti, sama ada lelaki maupun perempuan. Kempen berkaitan pendermaan darah dicadangkan untuk mempromosikan konsep ihsan bagi memperkuatkan niat menderma darah dalam kalangan mahasiswa universiti memandangkan aspek ini memperkuatkan nilai positif dalam kalangan muda.

**Kata kunci:** Altruism, motivasi, niat, pelajar universiti, pendermaan darah.

**ABSTRACT** *The act of blood donation is known as one of selfless behaviour towards other human beings. The action is vital to help those in need, either in during emergencies or periodically. However, the concept of ihsan which derived from a combination of altruism, charity and self-identity as a blood donor has yet to be explored in the study of blood donation. Therefore, this study aims to explore the concept of ihsan and the intention to donate blood among university students involved in blood donation. Respondents were recruited from a local university in Selangor. A total of 166 blood donors answered an online questionnaire pertaining to the motivation to donate blood. The Exploratory Factor Analysis (EFA) using varimax rotation found that there are five items grouped in one component, namely ihsan. As for descriptive analysis, the result showed that female blood donors displayed a higher mean score ( $M = 3.90$ ,  $sd = .66$ ), as compared to male blood donors ( $M=3.78$ ,  $sd = .62$ ). Finally, Hierarchical Multiple Regression (enter method) analysis revealed that ihsan ( $B = .336$ ) is significantly correlated to the intention to donate blood ( $R^2 = .062$ ,  $F$  change (1, 163) = 5.37,  $p < .01$ , after controlling the aspect of gender. In other words, the concept of ihsan that resembles positive values such as altruism and charity lead to the intention to donate blood among university students, regardless of their gender. Campaign on blood donation should promote the concept of ihsan to strengthen the intention to donate blood among young people in a university setting as it encourages positive values among young people.*

**Keywords:** *Altruism, motivation, intention, university student, blood donation.*

## PENGENALAN

Sukarelawan penderma darah adalah berbeza daripada mereka yang terlibat dengan lain-lain jenis pendermaan (Healy, 2000). Bagi yang memilih untuk menderma darah, mereka perlu membuat persediaan diri secukupnya untuk membolehkan tindakan berkenaan dapat dilakukan. Individu penderma darah bukan sahaja perlu memastikan tubuh badan sihat untuk menderma darah, tetapi juga perlu menyiapkan diri dengan kekuatan mental. Persediaan psikologi ini bertujuan untuk mengatasi perasaan takut jarum atau kerisauan terhadap rasa sakit semasa menderma darah. Oleh hal yang demikian, persediaan-persediaan diri penderma darah adalah lebih kompleks berbanding daripada memberikan sumbangan wang mahupun material.

Dalam konteks sumbangan darah, keperluan untuk mendapatkan individu tampil sebagai penderma darah adalah sejajar dengan permintaan bekalan darah sihat dan selamat yang sentiasa wujud, sama ada dalam konteks luar negara mahu pun tempatan (Piersma, *et al.*, 2017; Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Antara faktor yang membawa kepada berlakunya keperluan bekalan darah yang berterusan adalah disebabkan pelbagai faktor seperti transfusi darah kepada mangsa kemalangan, kewujudan komplikasi semasa bersalin atau pesakit demam dengan berdarah (Sawadogo *et al.*, 2020). Selain daripada situasi yang memerlukan pemindahan darah secara mengejut, terdapat juga keadaan yang membawa kepada keperluan darah berkala seperti pesakit *sickle anemia*. Bagi pesakit *sickle anemia*, mereka memerlukan pemindahan darah secara berkala. Ringkasnya, transfusi darah diperlukan dalam situasi kecemasan yang tidak dijangka, malah juga dalam sela masa tertentu.

Justeru, bagi memenuhi keperluan bekalan darah, maka pihak berkuasa seperti Pusat Darah Negara (PDN) dan juga hospital telah menjalankan inisiatif untuk mendorong lebih ramai individu tampil sebagai penderma darah, terutama golongan muda. Ini adalah berikutan golongan muda mempunyai jangka masa yang lebih panjang jika mereka berjaya menjadi penderma darah yang konsistem sebelum mencecah usia 60 tahun. Dorongan-dorongan yang dilakukan melalui iklan media sosial atau kempen menderma darah secara bersemuka yang dijalankan telah memberi tumpuan

kepada pelbagai usaha bagi menarik orang ramai untuk tampil sebagai penderma darah.

Usaha untuk mendapatkan lebih ramai golongan muda agar konsisten dengan pendermaan darah turut menjadi satu cabaran kepada pihak berkuasa. Aktiviti pendermaan darah turut berhadapan dengan stigma negatif seperti berat badan bertambah selepas menderma mahupun kerisauan terhadap reaksi vasavagal (John, et al., 2017). Selain itu, ketakutan terhadap rasa sakit semasa menderma darah juga menjadi antara sebab lain mengapa individu sihat memilih untuk tidak menderma darah. Selain daripada stigma negatif, kempen untuk menarik kembali penderma darah berpengalaman turut berhadapan dengan cabaran tersendiri. Bagi golongan muda, mereka berhadapan dengan situasi kekangan masa kerana komitmen kerja dan keluarga, malahan kadang-kala disebabkan faktor kesihatan diri seperti tekanan darah dan bacaan hemoglobin yang rendah. Oleh hal yang demikian, bagi mengatasi faktor halangan komitmen, kajian-kajian motivasi berkaitan pendermaan darah telah memberikan tumpuan dengan meneliti golongan muda yang berada di peringkat universiti (Jaafar, Chong, & Alavi, 2017; Melku et al., 2018). Menurut Jaafar et al. (2017) pelajar universiti adalah golongan yang berpotensi besar untuk dijadikan penderma darah berkala memandangkan golongan ini masih belum mempunyai komitmen penuh terhadap kerjaya mahupun keluarga. Maka, golongan mahasiswa dilihat sebagai kumpulan yang berpotensi untuk dijadikan penderma darah yang konsisten.

Dalam konteks kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan motivasi pendermaan darah, Teori Tingkah laku Terancang (Ajzen, 1991) dilaporkan sebagai salah satu teori yang sering diaplifikasi bagi menjelaskan faktor dorongan dalam aktiviti berkenaan. Dalam teori berkenaan, niat dilihat sebagai pendorong kepada tingkah laku sebenar. Namun begitu, aspek niat tidak berdiri sendiri, sebaliknya didorong oleh tiga aspek utama iaitu sikap positif, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku. Sehingga kini ramai pengkaji telah menguji aspek-aspek lain altruisme, mahu pun efikasi diri dalam pendermaan darah dalam konteks teori berkenaan (Saha & Chandra, 2018; Piersma, et al., 2021).

Selain itu, salah satu aspek psikologi yang turut dilaporkan mempunyai hubungan dengan tingkahlaku kemanusiaan adalah ihsan. Konsep ini adalah berkaitan dengan nilai yang baik dan bertanggungjawab dalam Islam yang mana menurut Mokhtar *et al.* (2020), individu akan meletakkan diri mereka di dalam pemerhatian Allah sepanjang masa. Memandangkan individu beranggapan bahawa mereka sentiasa diperhatikan oleh Allah, maka keadaan ini akan membawa kepada keinginan untuk melakukan yang terbaik dalam setiap masa dan tindakan. Maka bagi individu yang mempunyai nilai ihsan dalam aktiviti yang dilakukan, mereka akan memikul tanggungjawab dengan cara yang baik dan mementingkan kualiti dalam pelaksanaannya.

Untoro (2017) pula melihat ihsan sebagai satu aspek yang berkaitan dengan hak untuk mendapatkan sesuatu yang lebih baik. Dalam penelitiannya berkaitan konsep ihsan, Untoro (2017) mengaitkan konsep ini dengan pentadbiran yang bersih dan menjaga kebajikan rakyatnya. Dalam erti kata lain, ihsan adalah berkait rapat dengan penjagaan kebajikan, di mana individu yang memegang konsep ihsan dalam kehidupannya akan berusaha melakukan sesuatu yang lebih kepada diri sendiri dan juga orang lain. Ini menunjukkan bahawa konsep ihsan turut berkaitan dengan kebajikan di pihak pemberi maupun penerima, di mana berlaku kewujudan nilai empati dalam konsep berkenaan. Individu yang meletakkan keadaan individu lain ke dalam dirinya akan cenderung untuk memberikan yang terbaik dalam sebarang tindakan berkebajikan. Sementara itu, dalam konteks kajian berkaitan kebajikan yang lebih umum, Massey *et al.* (2011) mengaitkan konsep ini dengan nilai altruistik. Menurutnya, individu yang memegang nilai altruistik mempamerkan sokongan sosial kepada individu lain pada tahap yang tinggi, sehingga dianggap sebagai satu bentuk pengorbanan. Keadaan ini turut menunjukkan bahawa individu dengan sifat ihsan akan mempamerkan identiti saling membantu dan menyokong individu lain dalam jaringan sosialnya.

Sehingga kini hanya sebahagian kecil sahaja pengkaji dalam bidang motivasi pendermaan darah mengaitkan konsep ihsan secara langsung dengan niat menderma darah (Jaafar & Chong, 2018). Manakala kajian-kajian lalu melihat konsep ihsan dengan aspek-aspek yang pelbagai seperti kebajikan, altruisme malahan empati (Massey *et al.*, 2011; Mokhtar *et al.*, 2020; Untoro, 2017). Konsep ihsan ini dilihat sebagai bertepatan dengan aktiviti pendermaan

darah secara sukarela dimana mereka yang mahu menderma darah perlu memastikan diri mereka tidak terlibat dengan perbuatan berisiko dan darah yang disumbangkan adalah selamat dan sihat. Walaupun pendermaan darah merupakan satu tindakan yang berkaitan dengan kebajikan dan pengorbanan, namun potensi konsep ihsan masih belum diteroka secara langsung. Ini adalah kerana konsep berkenaan dilihat lebih menjurus kepada aspek psikologi positif seperti aspek altruisme mahu pun empati. Justeru itu, dalam kajian ini, konsep ihsan digambarkan sebagai satu aspek yang berkaitan dengan identiti diri, empati dan kebajikan.

Berdasarkan aspek latar belakang individu pula, kajian-kajian lalu melaporkan kepelbagaiannya dapatkan berkaitan motivasi penderma darah lelaki dan perempuan. Misalnya Carver, Chell, Davison dan Masser (2018) melaporkan bahawa penderma darah lelaki kurang didorong oleh altruisme berbanding dengan golongan perempuan. Sebaliknya mereka lebih didorong oleh faktor seperti tekanan sosial daripada jaringan sosial mereka dan faedah daripada pemeriksaan kesihatan. Dalam kajian berasingan yang dijalankan oleh Finck, Ziman, Hoffman, Phan-Tang dan Yuan (2016) mendapati bahawa penderma darah lelaki berpandangan yang pendermaan darah adalah satu tindakan yang melibatkan masa dan komitmen berbanding penderma darah perempuan. Dalam erti kata lain, penderma darah lelaki melihat pendermaan darah sebagai satu tindakan yang berkomitmen. Malahan, laporan pengkaji tempatan turut melaporkan bahawa golongan lelaki lebih cenderung untuk mempamerkan penglibatan yang tinggi dalam aktiviti prososial berbanding perempuan (Ibrahim *et al.*, 2017). Manakala kajian oleh Kasraian, Ashkami-Esfahani dan Forouzandeh (2020) melaporkan bahawa dorongan penderma darah perempuan untuk menderma adalah disebabkan oleh aspek altruisme serta rasa bertanggungjawab. Umumnya, dapatkan kajian-kajian lalu melaporkan motivasi untuk menderma darah yang pelbagai bagi kedua-dua jantina.

Memandangkan konsep ihsan lebih banyak diteroka dalam bidang kebajikan secara umum, maka objektif kajian ini adalah bagi meneroka konsep ihsan dan niat menderma darah dalam kalangan mahasiswa penderma darah lelaki dan perempuan. Penelitian ke atas konsep ihsan dan jantina penderma darah dijangka dapat memberikan gambaran yang lebih luas berkaitan motivasi penderma darah. Selain itu, dapatkan kajian diharap dapat membantu

dalam usaha merangka program-program pengukuhan niat menderma darah yang konsisten bagi mahasiswa lelaki dan perempuan.

## **METODOGI KAJIAN**

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan rekabentuk kuantitatif secara korelasi (*correlational study*) untuk meneroka konsep ihsan dalam kalangan mahasiswa penderma darah lelaki dan perempuan.

### **Instrumen kajian**

Bagi mendapatkan data, borang soal selidik secara atas talian telah digunakan. Set borang selidik berkenaan mengandungi 47 item yang merangkumi aspek-aspek motivasi dan niat untuk menderma darah. Setiap item dalam konsep ihsan dan niat menderma darah mempunyai lima pilihan skala Likert daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Bagi kertas kerja ini, hanya aspek berkaitan konsep ihsan dan niat menderma darah sahaja dianalisis.

#### *Ihsan Penderma Darah*

Item-ihsan ihsan yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada kajian-kajian terdahulu dan telah melalui proses pemurnian melalui analisis *Exploratory Factor Analysis* (EFA). Berdasarkan EFA, hanya lima item terkumpul di dalam satu kumpulan faktor yang dinamakan sebagai ihsan. Item-item ihsan dalam kajian ini berasal daripada item berkaitan sifat berkebajikan, identiti penderma darah dan kepekaan berempati. Contoh item adalah “Saya rasa gembira kerana dapat menderma darah”. Nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi konsep ihsan keseluruhan sampel kajian adalah .732

#### *Hasil Exploratory Factor Analysis (EFA) Item Ihsan*

Dalam analisis EFA, faktor pemberat (*loading factor*) telah ditetapkan pada aras 0.3 sebagaimana yang dicadangkan oleh Pallant (2007). Berdasarkan datapan EFA, didapati bahawa item-item telah dikelompokkan dalam tujuh

kategori aspek peramal melalui putaran varimaks. Dalam analisis EFA, nilai Kaiser-Meyer-Okin (KMO) yang diperolehi adalah .879 manakala Barlett's Test of Sphericity menunjukkan nilai *chi-square* adalah signifikan ( $p = .001$ ). Item-item bagi setiap komponen adalah berdasarkan nilai eigenvalue melebihi 3. Nilai varians yang disumbangkan oleh komponen ihsan adalah sebanyak 4.33 peratus daripada keseluruhan item motivasi menderma darah yang dianalisi dalam EFA. Nilai *factor loading* bagi item-item yang terkumpul dalam komponen ihsan selepas putaran varimaks adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Nilai *Factor Loading* bagi Item dalam Komponen Ihsan

Bil.	Item	Nilai <i>Factor Loading</i>
1.	Saya tersenyum apabila melihat ramai orang beratur menderma darah.	.673
2.	Pendermaan darah membantu meningkatkan keyakinan diri saya.	.....646     .646
3.	Pendermaan darah membuatkan saya rasa gembira.	.632
4.	Saya akan mengambil tindakan segera jika melihat ada individu lain yang mengambil kesempatan keatas orang lain.	.542
5.	Saya mudah tersentuh hati dengan perkara yang sedih.	.458

### *Niat Menderma Darah*

Aspek niat menderma darah mengandungi tiga item. Contoh item adalah “Saya telah membayangkan diri saya menderma darah tiga bulan akan datang”. Item-item niat mempunyai nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi keseluruhan sampel kajian adalah .906.

### **Responden kajian**

Mahasiswa di institusi pengajian tinggi di Selangor telah dijemput untuk mengisi borang soal selidik atas talian. Hebah mengenai kajian ini telah dilakukan oleh pasukan penyelidik kepada para pelajar melalui pensyarah subjek menerusi aplikasi Whatsapp. Seramai 386 responden telah diperoleh dan berdasarkan jumlah berkenaan, 166 orang melaporkan bahawa mereka adalah mahasiswa penderma darah (lelaki,  $n = 123$ ; perempuan,  $n = 43$ ). Min umur bagi sampel penderma darah dalam kajian ini adalah 24.04 ( $sp = 4.07$ ). Pengumpulan data berlangsung pada April 2018 hingga Mei 2020.

## Analisis Data

Berdasarkan objektif kajian ini, hanya aspek ihsan dan niat untuk menderma darah sahaja dianalisis. Penerokaan konsep ihsan dalam kalangan responden kajian ini dimulai dengan analisis deskriptif. Seterusnya, Korelasi Pearson digunakan bagi meneroka hubungan antara aspek ihsan dan niat menderma darah bagi responden kajian ini. Analisis Regresi Berganda (*enter method*) dilaksanakan bagi mengenalpasti hubungan antara konsep ihsan dan niat menderma darah selepas aspek jantina dikawal.

## HASIL KAJIAN

Hasil analisis deskriptif mendapati bahawa min aspek ihsan bagi mahasiswa perempuan adalah lebih tinggi ( $M = 3.90$ ,  $sp = .66$ ) berbanding dengan mahasiswa lelaki ( $M=3.78$ ,  $sp = .62$ ). Secara terperinci, purata skor bagi setiap item ihsan ditunjukkan dalam Jadual 2. Manakala bagi aspek niat menderma darah, dapatan kajian mendapati bahawa mahasiswa perempuan mempunyai skor min yang lebih tinggi ( $M =3.37$ ,  $sp = .86$ ) berbanding dengan mahasiswa penderma darah lelaki ( $M = 3.35$ ,  $sp = .85$ ).

**Jadual 2** Min item ihsan bagi mahasiswa penderma darah lelaki dan perempuan

Item	Lelaki (n=123)		Perempuan (n=43)	
	Min	SD	Min	SD
1. Saya tersenyum apabila melihat ramai orang beratur menderma darah.	3.93	.837	3.93	.961
2. Pendermaan darah membantu meningkatkan keyakinan diri saya.	3.73	.950	3.88	1.051
3. Pendermaan darah membuatkan saya rasa gembira.	3.98	.887	4.05	.899
4. Saya akan mengambil tindakan segera jika melihat ada individu lain yang megambil kesempatan keatas orang lain.	3.80	.806	3.65	.842
5. Saya mudah tersentuh hati dengan perkara yang sedih.	3.46	.978	4.02	.963

Bagi mengenalpasti kesan faktor jantina ke atas hubungan antara aspek ihsan dan niat menderma darah, analisis Korelasi Pearson telah dilaksanakan di peringkat awal. Hasil analisis mendapatkan bahawa konsep ihsan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap niat menderma darah bagi responden kajian ini ( $r = .249$ ,  $p = .001$ ). Dalam erti kata lain, konsep ihsan adalah berkaitan dengan keinginan untuk menderma darah dalam kalangan mahasiswa institusi ini.

Memandangkan dapatan kajian di peringkat analisis Korelasi Pearson mendapatkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara konsep ihsan dan niat menderma darah, maka *Hierarchical Multiple Regression (enter method)* telah dijalankan. Analisis ini dijalankan bagi mengenalpasti hubungan antara ihsan terhadap niat menderma darah apabila aspek jantina mahasiswa dikawal. Aspek jantina telah dimasukkan dalam langkah pertama, di mana analisis menunjukkan tidak hubungan yang signifikan antara jantina dan niat menderma darah ( $p = .841$ ). Dalam langkah kedua, konsep ihsan telah dimasukkan dan jumlah varian yang menjelaskan keseluruhan model adalah sebanyak 6.2 peratus,  $F(1, 163) = p = .006$ . Apabila aspek jantina mahasiswa dikawal, analisis melaporkan nilai perubahan  $R^2 = .062$ , perubahan  $F(1,163) = 5.37$ ,  $p < .01$ . Bagi model akhir analisis ini, konsep ihsan menyumbang nilai beta sebanyak .336.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis deskriptif, dapatan kajian ini mendapatkan bahawa umumnya mahasiswa penderma darah perempuan mempunyai min skor aspek ihsan umum yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan penderma darah lelaki. Dapatkan ini menunjukkan bahawa dalam konteks ihsan yang digambarkan sebagai empati malahan berkebajikan lebih cenderung untuk dirasai oleh penderma darah perempuan. Menurut Al-Riyami *et al.* (2021) golongan perempuan lebih cenderung untuk mempersepsikan bahawa mereka perlu membantu individu lain melalui aktiviti kebajikan, seperti pendermaan darah. Menurut Faasse, Yeom, Parkes, Kearney dan Petrie (2018), golongan perempuan mempunyai kecenderungan untuk meletakkan diri mereka dalam situasi individu lain dan menjadikan mereka lebih ter dorong untuk terlibat dalam aktiviti berbentuk kebajikan. Dalam kajian ini, aktiviti kebajikan adalah

pendermaan darah dan dilaporkan bahawa mahasiswa penderma darah perempuan mempunyai nilai ihsan umum yang lebih tinggi berbanding penderma darah lelaki.

Analisis deskriptif konsep ihsan bagi setiap item turut mempamerkan yang mahasiswa penderma darah perempuan mempunyai skor yang lebih tinggi. Kajian ini mencadangkan bahawa sebagai penderma darah, mahasiswa perempuan lebih mudah berasa gembira dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan ihsan secara umum dan berfokus. Misalnya, mereka turut berasa gembira apabila melihat ramai individu yang terlibat dalam pendermaan darah. Dapatkan ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor pengalaman positif yang dialami oleh penderma darah selepas selesai menderma. Melalui pengalaman berkenaan, penderma darah beranggapan bahawa individu lain yang sedang menderma darah akan turut merasa pengalaman positif di samping dapat membantu individu lain. Justeru, keadaan ini secara tidak langsung akan melahirkan rasa gembira kepada penderma darah sedia ada apabila melihat penglibatan individu lain dalam kempen derma darah. Kejayaan menderma darah dan melihat individu lain melakukan perkara yang sama melahirkan perasaan positif yang dikenali sebagai *warm glow* (Ferguson, Atsma, De Kort & Veldhuizen, 2012). Dalam konteks pendermaan darah, konsep ini dilihat sebagai berbeza dengan faktor altruisme sebagai pendorong untuk menderma darah. Ini adalah kerana altruisme lebih berfokus kepada pengorbanan yang dilakukan oleh penderma darah tetapi turut mempunyai elemen *warm glow* (seronok) kepada penderma darah itu sendiri.

Namun, dapatan analisis deskriptif secara terperinci ke atas item-item ihsan dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa mahasiswa penderma darah lelaki mendapat skor yang lebih tinggi berbanding dengan penderma darah perempuan. Golongan berkenaan lebih cenderung untuk membantu individu lain yang memerlukan bantuan dengan cara segera bertindak (item: Saya akan mengambil tindakan segera jika melihat ada individu lain yang megambil kesempatan ke atas orang lain). Dapatkan ini mencadangkan faktor keupayaan kekuatan fizikal lelaki yang membolehkan mereka bertindak lebih cepat berbanding dengan mahasiswa penderma darah perempuan. Sejajar dengan dapatan kajian oleh Karakashian, Walter, Christopher dan Lucas (2006) yang turut mendapati bahawa lelaki lebih cepat bertindak untuk

memberikan bantuan kepada individu yang memerlukan. Antara rasional yang dicadangkan oleh Karakashian *et al.* (2006) adalah disebabkan imej sosial yang mengaitkan lelaki sebagai adiwira dan maskulin. Dalam konteks kajian ini, skor yang tinggi bagi item berkenaan adalah berkaitan dengan tindakan pantas untuk membantu mereka yang memerlukan dan ia berkaitan dengan nilai altruisme. Secara mendalam, Monroe (1998) berpandangan bahawa altruisme merupakan konsep yang secara dasarnya adalah berkaitan perkongsian nilai kemanusiaan (*humanity*) yang ditunjukkan melalui tindakan membantu. Dalam tindakan berkenaan, individu akan melakukan tindakan yang bertujuan untuk menjauhkan individu lain daripada situasi atau perkara yang menyakitkan disebabkan perkongsian nilai berkenaan. Selain daripada perkongsian nilai, Monroe (1998) berpandangan bahawa altruisme merupakan tindakan membantu yang spontan, dimana Monroe (1998) beranggapan bahawa individu tidak memerlukan perancangan sesuatu tindakan membantu. Tambahan, beliau berpendapat bahawa sebagai individu yang mengamalkan perkongsian nilai kemanusiaan dengan yang lain, tindakan membantu adalah lebih spontan dan pelaku tidak mempunyai pilihan terhadap tindakan yang perlu dilakukan kepada individu lain. Dalam erti kata lain, dalam situasi yang memerlukan seseorang memberikan bantuan, tindakan yang diberikan adalah spontan dan individu tidak mempunyai pilihan untuk tidak melakukannya. Maka, dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa pemberian bantuan untuk mereka yang memerlukan lebih cenderung dilakukan oleh golongan mahasiswa penderma darah lelaki.

Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa mahasiswa penderma darah mendapat dorongan untuk menderma darah berdasarkan konsep ihsan dalam diri mereka. Dalam erti kata lain, nilai ihsan mendorong niat untuk menderma darah dalam kalangan responden. Dapatkan kajian-kajian terdahulu turut mengaitkan faktor ihsan penderma darah sebagai dorongan terhadap niat menderma darah. Misalnya, Ferguson *et al.* (2012) dan Goncalez *et al.* (2013) mendapati bahawa faktor altruisme yang merupakan sebahagian daripada konsep ihsan wujud sebagai dorongan terhadap niat menderma darah. Dalam erti kata lain, dapatkan kajian-kajian ini mencadangkan bahawa faktor pengorbanan terhadap keperluan individu lain mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tindakan menderma darah. Selain itu, Fransen, Fennis, Vohs dan Pruyn (2009) beranggapan bahawa tindakan yang memberi faedah

kepada kedua-dua pihak (pelaku dan penerima kebajikan) akan mejadikan seseorang lebih terdorong untuk terlibat dalam aktiviti yang berorientasikan kesukarelawan. Faedah-faedah peribadi seperti peningkatan penghargaan diri, rasa dihargai dan gembira atas tindakan dapat dianggap sebagai faktor yang mendorong untuk seseorang terus mempunyai keinginan untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Selain daripada itu, konsep ihsan dalam kajian ini turut melibatkan item berkaitan identiti sebagai penderma darah. Perkara ini adalah berkaitrapat dengan status mahasiswa yang mempunyai pengalaman menderma darah. Bagi individu yang telah menderma darah, kejayaan melaksanakan tindakan berkenaan berupaya melahirkan rasa bangga. Malahan dalam kalangan mahasiswa, tindakan menderma darah boleh membawa kepada rasa adiwira dalam cara tersendiri kerana berjaya menyelamatkan individu lain melalui pendermaan darah. Selain itu, perkongsian maklumat melalui hebahan media sosial dan telefon pintar dalam kalangan jaringan sosial mahasiswa turut dapat memperkuuhkan identiti sebagai penderma darah (Duh & Dabula, 2021). Tambahan, media sosial merupakan antara pengaruh signifikan dalam keidupan golongan muda masa kini (Din & Isam, 2019). Hebahan dan perkongsian pengetahuan dalam jaringan sosial mahasiswa juga boleh dianggap sebagai salah satu daripada faktor yang mendorong golongan ini untuk terlibat dalam kempen menderma darah.

Akhir sekali, kajian ini mendapati bahawa aspek jantina tidak memainkan peranan dalam hubungan antara konsep ihsan dan niat menderma darah. Ertinya, sama ada mahasiswa adalah lelaki atau perempuan, keinginan untuk menderma darah adalah disebabkan oleh faktor nilai ihsan yang wujd dalam diri mereka. Dapatan ini adalah berbeza dengan kajian oleh Kasraian et al. (2020) dan Carver et al. (2018) yang menyatakan bahawa konsep ihsan berkaitan dengan altruisme lebih cenderung dilaporkan oleh golongan perempuan. Dapatan kajian ini yang mendapati aspek jantina tidak mempengaruhi ihsan dan keinginan menderma darah berkemungkinan disebabkan oleh faktor di mana konsep ihsan adalah bersifat umum. Sejajar dengan pandangan Massey et al. (2011), ihsan yang berkaitan dengan nilai altruitik menggambarkan tindakan pengorbanan yang dilakukan untuk individu lain. Dalam konteks pendermaan darah, golongan mahasiswa tanpa mengira lelaki mahu pun perempuan melihat pendermaan darah sebagai satu tindakan dengan nilai murni. Tambahan, sebagai penderma darah yang berada

dalam kelompok komuniti di universiti, kajian penglibatan dalam aktiviti menderma darah lebih didorong oleh faktor seperti rasa bertanggungjawab dan keinginan untuk mencuba perkara baru berkaitan aktiviti kesukarelawan (Jaafar *et al.*, 2017). Maka, dalam kajian ini, aspek jantina dicadangkan sebagai tidak signifikan dalam memerihalkan hubungan antara konsep ihsan dan niat menderma darah secara umum.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini yang bertujuan meneroka konsep ihsan dalam kalangan mahasiswa penderma darah lelaki dan perempuan mendapati bahawa aspek ini secara umumnya mempunyai hubungan dengan niat untuk menderma darah. Mahasiswa penderma darah perempuan melihat bahawa penglibatan dalam aktiviti menderma darah dapat mempertingkatkan keyakinan diri mereka serta berasa gembira apabila melihat individu lain turut sama menderma darah. Namun begitu, walaupun dapatan kajian mendapati bahawa mahasiswa penderma darah perempuan menunjukkan skor nilai ihsan dalam kebanyakan item ihsan, dapatan kajian ini turut melaporkan bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan yang signifikan. Ertinya, tiada perbezaan yang signifikan dalam memerihalkan hubungan antara konsep ihsan dan niat menderma darah. Hal ini mencadangkan bahawa ihsan merupakan konsep umum yang berkaitan dengan motivasi untuk menderma darah. Individu dengan nilai ihsan yang tinggi akan cenderung untuk mempunyai keinginan menderma darah.

Dapatan kajian ini memberi implikasi berkaitan program-program pengukuhan niat menderma darah dalam kalangan mahasiswa. Memandangkan konsep ihsan adalah signifikan terhadap niat menderma darah, maka kempen-kempen untuk mendorong penderma darah berpengalaman kembali menderma darah perlu menggunakan slogan berkaitan konsep ihsan. Penggunaan perkataan dalam slogan kempen berkaitan dengan ihsan seperti “Anda Menderma Darah Kerana Anda Prihatin” (kebijakan) atau “Kita adalah Wira Penderma Darah” (identiti sebagai penderma darah) boleh diaplakasikan dalam kempen menderma darah di peringkat universiti.

Dalam konteks limitasi, kajian ini hanya meneroka konsep ihsan terhadap niat menderma darah dalam kalangan individu yang telah sedia mempunyai pengalaman sebagai penderma darah. Dapatkan mungkin berbeza jika pengumpulan data dilakukan ke atas sampel umum. Kajian akan datang adalah dicadangkan untuk meneroka konsep ihsan dalam kalangan mahasiswa universiti secara umum, sama ada penderma darah mahupun bukan. Dapatkan kajian kelak dijangka akan dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh berkaitan konsep ihsan dan niat menderma darah kerana perbandingan dua kelompok sampel boleh diteroka.

## PENGHARGAAN

Kajian ini menggunakan peruntukan daripada Projek ID KLIU-ACD-FS-05, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Kajang, Selangor Darul Ehsan.

## RUJUKAN

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes*, 50(2), 179-211.
- Al-Riyami, A. Z., Draz, M., Al-Haddadi, F., Al-Kabi, A., AlManthari, A., Panchatcharam, S. M., & Al-Sabti, H. (2021). Influence of peer-derived donor recruitment on the youth perception on blood donation among college students. *ISBT Science Series*, 16(1), 60-67.
- Carver, A., Chell, K., Davison, T. E., & Masser, B. M. (2018). What motivates men to donate blood? A systematic review of the evidence. *Vox sanguinis*, 113(3), 205-219.
- Din, N. F. N., & Isam, H. (2019). Penyerahan identiti remaja kesan ketagihan skrin di media sosial (Teenagers' identity exposure from screen addiction in social media). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(1).
- Duh, H. I., & Dabula, N. (2021). Millennials' sociopsychology and blood donation intention developed from social media communications: A survey of university students. *Telematics and Informatics*, 58, 101534.
- Faasse, K., Yeom, B., Parkes, B., Kearney, J., & Petrie, K. J. (2018). The influence of social modeling, gender, and empathy on treatment side effects. *Annals of Behavioral Medicine*, 52(7), 560-570.

- Ferguson, E., Atsma, F., De Kort, W., & Veldhuizen, I. (2012). Exploring the pattern of blood donor beliefs in first-time, novice, and experienced donors: Differentiating reluctant altruism, pure altruism, impure altruism, and warm glow. *Transfusion*, 52(2), 343-355.
- Finck, R., Ziman, A., Hoffman, M., Phan-Tang, M., & Yuan, S. (2016). Motivating factors and potential deterrents to blood donation in high school aged blood donors. *Journal of blood transfusion*, 2016.
- Fransen, M., Fennis, B., Vohs, K. D., & Pruyn, A. (2009). Fit For Charity'the Moderating Role of Private Self-Focus in the Persuasiveness of Regulatory Fit. *ACR North American Advances*.
- Gonçalez, T. T., Di Lorenzo Oliveira, C., Carneiro-Proietti, A. B. F., Moreno, E. C., Miranda, C., Larsen, N., & NHLBI Retrovirus Epidemiology Donor Study-II (REDS-II), International Component. (2013). Motivation and social capital among prospective blood donors in three large blood centers in Brazil. *Transfusion*, 53(6), 1291-1301.
- Ibrahim, F., Jaafar, J. R., Chong, S. T., & Koh, D. C. L. (2017). Perbandingan tingkah laku sosial berdasarkan gender antara generasi muda tinggal di kawasan terpinggir dan arus perdana di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2).
- Idris, S., Mohamad, M. S., & Kadir, N. B. Y. A. (2020). hubungan di antara aset luaran dan tingkah laku antisosial belia yang menetap di Projek Perumahan Rakyat Kuala Lumpur (The relationship between external asset and antisocial behavior among youth in the People's Housing Project (PPR) Kuala Lumpur). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(4).
- Jaafar, J. R., & Chong, S. T. (2018). Sikap terhadap niat menderma darah dalam kalangan penderma darah bersela dan ulangan berkala (Attitude towards the intention to donate blood among lapsed and regular blood donors). *Akademika*, 88(2).
- Jaafar, J. R., Chong, S. T., & Alavi, K. (2017). Experience as factors associated with repeat blood donation among university students in Malaysia. *Southeast Asian Journal of Tropical Medicine and Public Health*, 48(5), 1118-1126.
- John, C. A., Theodora, U. E., Gloria, A. N., & Chika, E. A. (2017). Adverse reactions to blood donation: A descriptive study of 3520 blood donors in a Nigerian tertiary hospital. *Medical Journal of Dr. DY Patil University*, 10(1), 36.
- Karakashian, L. M., Walter, M. I., Christopher, A. N., & Lucas, T. (2006). Fear of negative evaluation affects helping behavior: The bystander effect revisited. *North American Journal of Psychology*, 8(1), 13-32.
- Kasraian, L., Ashkani-Esfahani, S., & Forouzandeh, H. (2020). Reasons of under-representation of Iranian women in blood donation. *Hematology, Transfusion and Cell Therapy*.
- Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia, (2015). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Malaysia.

- Massey, E. K., Kranenburg, L. W., Zuidema, W., Hak, G., Erdman, R., Hilhorst, M., & Weimar, W. (2011). Altruistic donation to strangers: donor motivation and interpersonal values. *Organ Transplantation: Ethical, Legal and Psychosocial Aspects V Expanding the European Platform*. Lengerich: Pabst, 370.
- Melku, M., Asrie, F., Shiferaw, E., Woldu, B., Yihunew, Y., Asmelash, D., & Enawgaw, B. (2018). Knowledge, attitude and practice regarding blood donation among graduating undergraduate health science students at the University of Gondar, Northwest Ethiopia. *Ethiopian journal of health sciences*, 28(5).
- Mokhtar, M. Y. O., Isa, M. F. M., Arifain, S. M. K., Jailani, A. I., & Wan, W. N. (2020). The Concept of Altruism and Ihsan as an Approach towards Achieving Psychological Well-Being at The Workplace: An Observation at The Islamic University College of Melaka.
- Monroe, K. R. (1998). *The heart of altruism: Perceptions of a common humanity*. Princeton University Press, ms: 196-208.
- Pallant, J. (2007). SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using SPSS version 15. McGraw Hill.
- Piersma, T. W., Bekkers, R., de Kort, W., & Merz, E. M. (2021). Altruism in blood donation: Out of sight out of mind? Closing donation centers influences blood donor lapse. *Health & Place*, 67, 102495.
- Piersma, T. W., Bekkers, R., Klinkenberg, E. F., De Kort, W. L., & Merz, E. M. (2017). Individual, contextual and network characteristics of blood donors and non-donors: a systematic review of recent literature. *Blood Transfusion*, 15(5), 382.
- Saha, S., & Chandra, B. (2018). Understanding the underlying motives and intention among Indian blood donors towards voluntary blood donation: A cross-sectional study. *Transfusion Clinique et Biologique*, 25(2), 109-117.
- Sawadogo, S., Baguiya, A., Yougbare, F., Bicaba, B. W., Nebie, K., Millogo, T., ... & Deneys, V. (2020). Seroprevalence and factors associated with IgG anti-DENV positivity in blood donors in Burkina Faso during the 2016 dengue outbreak and implications for blood supply. *Transfusion Medicine*, 30(1), 37-45.
- Untoro, U. (2017). Justice and Charity in Jakarta's North Coast Reclamation Process That Will Lead to Indonesia Clean of Corruption. *The 2nd Proceeding "Indonesia Clean of Corruption in 2020"*.